

Qalam

KDN 3036

Dhu al-Hijjah 1387 *March* 1968

Bilangan 209 60 sen

Masalah Perkembangan Agama Islam kita

Seluruh umat Islam di Malaysia patutlah bersyukur kepada Allah atas perhatian kerajaan Perikatan yang telah banyak membangun dan mendirikan masjid-masjid dan surau-sarau serta memberi bantuan kepada madrasah-madrasah agama dan menghidupkan pelajaran-pelajaran agama untuk membolehkan seseorang hidup di dalamnya.

Masjid-masjid yang baharu didirikan, yang usang diganti – demikian juga cita-cita di dalam memperjuangkan pelajaran agama dijalankan dan diperluaskan supaya sesuai dengan negeri agama negaranya agama Islam yang dianut oleh penduduk yang terbanyak di dalamnya daripada orang-orang Islam.

Ikhtiar dan usaha kerajaan menjadikan pengikutnya umat Islam yang baik sedang dan sudah berjalan – hanya sanya hal yang didapati daripadanya adalah bergantung kepada umat Islam sendiri dan unsur-unsur yang membawa kepada perkembangan agama yang berjalan dan selari dengan masa ini.

Kita perhatikan keadaan dan kemajuan serta keyakinan umat Islam sendiri, di dalam keyakinan-keyakinan beragama, tidak bertambah maju bahkan pemuda-pemudanya terutamanya lebih banyak yang menjauhkan diri daripada tugas beragama dan berakhlak dengan akhlak-akhlak agama padahal tempat-tempat ibadah telah dibuat dan diadakan oleh kerajaan. Tempat-tempat ini penuh seminggu sekali tetapi seterusnya kosong di dalam tiap-tiap waktu yang lain dan tidak ada anjuran-anjuran pengajian yang berjalan dengan jitu untuk mencetuskan jiwa dan semangat Islam yang tulen kepada mereka sebagaimana yang dikehendaki.

Apakah kekurangan yang terbit dan yang patut diperhatikan jika sebenarnya ada tujuan hendak menjadikan umat Islam itu sebenar-benarnya umat “*wasatā*” (umat pertengahan) yang jujur di dalam beragama, menyeru kepada kebaikan dan menegah kepada kejahatan?

Menurut pendapat kita, ini tidak akan dapat diatasi sekiranya ada masjid-masjid sahaja didirikan sedangkan penghuni masjid-masjid itu tidak diisi.

Benar kita ada madrasah. Kita mengadakan pelajaran-pelajaran agama di sekolah-sekolah tetapi pelajaran itu hanya sekadar mencukupi fardu ain – tidak dapat menjadikan asas beragama dengan sesungguhnya seperti yang dikehendaki oleh Islam terutamanya di dalam zaman *modern* ini.

Pelajaran-pelajaran umum juga jauh daripada mencukupi dan memuaskan. Umat Islam semenjak dari berpuluh-puluh tahun telah “menjerit” mengatakan

kitab-kitab agama mengenai hukum fikah di dalam bahasa kita bahasanya kolot tetapi hingga sekarang yang kolot itu tidak dapat berganti dan bertukar bahkan tidak ada langkah-langkah yang dibuat semenjak lima tahun ini untuk mengubah yang “kolot” itu bahkan yang kolot itu sentiasa dan terus dipakai dan digunakan. Sebabnya? kerana tidak ada yang lain!

Kitab atau buku-buku adalah bahan yang sangat besar untuk memajukan dan membuka fikiran umat. Sekiranya pemuda-pemuda jemu dan tidak faham membaca apa yang dibacanya – kerana bahasanya, tidak menarik maka betapakah mereka akan tertarik mempelajari agamanya? Tentu tidak diharap dan kerana itu tentulah mereka lari daripadanya.

Berpuluh-puluh tahun berjalan – mengapa tidak ada usaha di dalam perkembangan memperbaiki bahasa kitab-kitab ini berjalan? Inilah persoalannya yang timbul. Kita patut bersyukur atas langkah kerajaan Perikatan telah merancang tempat untuk mengusaha menerbitkan perkara-perkara yang bersabit dengan agama dengan terdirinya Masjid Negara dan menjadikan masjid itu pusat usaha itu. Tetapi jika usaha itu hanya diserahkan kepada Masjid Negara tentunya usaha itu lambat meliputi dan menyampaikan kehendak-kehendak umat Islam. Oleh yang demikian sudah pada tempatnya, menurut pendapat kita, untuk meluaskan perkembangan penerbitan-penerbitan kitab-kitab agama yang dikehendaki oleh rakyat tidak lain daripada kerajaan